



Civil disobedience dalam kalangan pengundi Cina di Malaysia

Suhana Saad¹, Kartini Aboo Talib@Khalid²

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

²Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Suhana Saad (email: suhanasaad@ymail.com)

Abstrak

Malaysia adalah sebuah negara multi-etnik. Parti-parti politik yang ditubuhkan juga cenderung mengikut identiti etnik masing-masing. Misalnya Barisan Nasional (BN) merupakan parti pemerintah yang cenderung berdasarkan etnik dan terdiri daripada Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) mewakili kaum Melayu, Malaysian Chinese Association (MCA) yang mewakili etnik Cina dan Malaysian Indian Congress (MIC) yang mewakili etnik India begitu juga dengan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak yang menjadi komponen BN cenderung berdasarkan etnik masing-masing. Bagaimanapun, selepas pilihan raya 2008, berlaku peralihan dalam tren pengundian bagi ketiga-tiga etnik iaitu Melayu telah berpaling daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), India daripada Malaysian Indian Congress (MIC) begitu juga dengan Cina yang berpaling daripada Malaysian Chinese Organisation (MCA) dan Gerakan. Keputusan pilihan raya umum menjelaskan tentang fenomena *civil disobedience* yang merujuk kepada bantahan atau protes rakyat terhadap beberapa isu dan dasar yang dikaitkan dengan kerajaan seperti politik, ekonomi, pendidikan, etnik dan agama. Rentetan daripada gelombang *civil disobedience* tersebut, pengundi Cina yang rata-ratanya menghuni kawasan bandar telah beralih menyokong pembangkang terumanya Democratic Action Party (DAP) yang terkenal sebagai sebuah parti cauvinis Cina. Persoalannya apakah pola ini akan berkekalan dalam kalangan pengundi bandar? Kertas ini bertujuan untuk meneliti pencapaian parti politik Cina terutamanya DAP sejak pilihan raya 2008 dengan memberikan fokus terhadap pola pengundian di dua buah negeri iaitu Selangor dan Kuala Lumpur serta perkembangan terkini dalam pilihan raya DUN Sarawak 2011.

Katakunci: Cina, *civil disobedience*, Democratic Action Party, etnik, pengundi, pilihan raya

Civil disobedience of the Malaysian Chinese voters

Abstract

Malaysia is a multi-ethnic country. Existing political parties tend to establish themselves within the ethnic line including Barisan Nasional which composed of United Malays National Organization (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA) and Malaysian Indian Congress (MIC), each representing the Malays, Chinese and Indian. Similar to Sabah and Sarawak, the BN components are represented by ethnic accordingly. This pattern of voters trend has changed among all ethnics since the general elections of 2008 : the Malays, Chinese and Indian voters were no longer inclined to the BN alliance. Thus the 2008 election results may be taken as a form of civil disobedience, an expression of citizen dissatisfaction and protest against several issues pertaining to the ruling BN's politics, economic policy, education, ethnic and religious matters. The question is, would such trend prevail? Focusing on voters trend in Selangor and Kuala Lumpur and the result of the 2011 Sarawak election , this paper examines the post 2008 election performance of Malaysian Chinese political parties, in particular, the DAP . The analysis saw that the

Chinese voters would continue to contribute to the electoral success of the DAP as they seemed to have lost faith in the ability of the BN to look after their interests. As with the SUPP, the MCA was seen by the Malaysian Chinese voters as too moderate and too subservient to the dominant PBB and UMNO.

Keywords: civil disobedience, Chinese, Democratic Action Party, election, ethnicity, voters

Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara multi-etnik yang mempunyai jumlah populasi 29,908,795 juta dan daripada jumlah etnik Cina merupakan kelompok kedua terbesar yang berjumlah 6,520,559 pada tahun 2010 (<http://www.epu.gov.my>). Berdasarkan kepelbagaiannya etnik tersebut, parti-parti politik yang ditubuhkan juga cenderung mengikut identiti etnik masing-masing. Misalnya Barisan Nasional (BN) merupakan parti pemerintah yang cenderung berasaskan etnik dan terdiri daripada Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) mewakili kaum Melayu, Malaysian Chinese Association (MCA) yang mewakili etnik Cina dan Malaysian Indian Congress (MIC) yang mewakili etnik India begitu juga dengan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak yang menjadi komponen BN cenderung berasaskan etnik masing-masing. Sejak kemerdekaan lagi, setiap parti ini mendapat sokongan yang padu daripada etnik masing-masing. Namun keputusan pilihan raya 2008 merupakan yang terburuk dalam sejarah pilihan raya Malaysia. BN tumbang di lima buah negeri manakala etnik Cina yang sering menjadi penyelamat kepada BN telah berpaling kepada Democratic Action Party (DAP).

Dalam pilihan raya 2008 itu, tiada siapa menyangka Selangor dan Kuala Lumpur negeri yang merupakan paksi kekuatan dan penjana pertumbuhan ekonomi tumpas di tangan parti pembangkang seperti (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Sebelum PRU 12, bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Khir Toyo pernah menunjukkan kebimbangannya tentang tren pengundi Cina yang sering membuat pilihan di saat-saat akhir dan ini yang sukar diramalkan manakala bagi pengundi India sokongan mereka telah berkurangan kepada 80 peratus (Utusan Malaysia, 10 Mac 2008). Di pihak parti-parti politik yang bertanding, etnik masih lagi menjadi percaturan utama untuk mencapai kemenangan. Misalnya, kerusi di kawasan campuran yang meletakkan calon bukan Melayu kerana kawasan campuran biasanya akan memihak kepada Barisan Nasional (BN), manakala bagi kawasan majoriti Melayu diletakkan calon Melayu begitu juga dengan kawasan majoriti Cina. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk meneliti pencapaian parti politik Cina khususnya DAP dalam pilihan raya 2008 dengan memberikan fokus terhadap dua buah negeri iaitu Selangor dan Kuala Lumpur seterusnya bagaimana DAP telah berjaya mengembangkan pengaruhnya dalam Pilihan raya Negeri Sarawak 2011. Analisis adalah berdasarkan kepada sumber kualitatif seperti laporan Suruhanjaya Pilihan raya serta akhbar tempatan.

Parti politik Cina di Semenanjung Malaysia dan Sarawak

Etnik Cina merupakan kelompok kedua terbesar di Malaysia dan mereka boleh berbangga jika mengetahui bahawa MCA merupakan parti etnik Cina yang ketiga terbesar di dunia selepas Parti Komunis China di China dan Parti Kuomintang di Taiwan. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1949 oleh Tun Tan Cheng Lock. Bagaimanapun ia kurang penting jika dibandingkan dengan kedudukannya sebagai parti kedua paling penting dalam BN (Milne & Mauzy, 1999). Namun Strauch (1978) berpendapat MCA adalah sebuah “*establishment party*” dan sebuah parti yang dominan bersama UMNO sejak pilihan raya pertama lagi. Pemimpin-pemimpinnya terdiri daripada ahli perniagaan Cina yang kaya dan elemen ini merupakan kekuatan MCA sehingga

mereka diterima sebagai rakan kongsi bersama-sama pemimpin UMNO sejak tertubuhnya Perikatan dan seterusnya menjadi BN pada tahun 1974.

Pada tahun 1960, dua buah parti baru telah ditubuhkan yang memberikan saingan terhadap MCA kerana keduanya bersifat multi-etnik dan telah menarik ramai pengundi Cina. Salah satunya ialah PAP (ditubuhkan oleh Lee Kuan Yew di Singapura) yang telah berjaya memenangi sembilan kerusi pada pilihan raya 1964. Pada tahun 1966 selepas Singapura berpisah dari Malaysia, serpihan PAP di Malaysia telah didaftarkan semula dengan nama Democratic Action Party (DAP). Sebuah parti lagi ialah Gerakan yang ditubuhkan pada tahun 1968 yang merupakan parti serpihan MCA. DAP mempunyai pengundi yang lebih ramai berbanding Gerakan. Parti ini sangat berpengaruh di Pulau Pinang begitu juga dengan DAP. Menurut Weiss (2003), walaupun DAP sebuah parti pembangkang yang berbilang etnik dan dapat menarik sokongan kaum India, tetapi ia sememangnya parti Cina yang mengekalkan seruan PAP untuk "Malaysia Malaysia" yang bersifat etnik. DAP sentiasa menentang BN kerana gagal menjaga kepentingan pendidikan dan budaya kaum Cina serta pengabaian terhadap golongan bawahan (Freedman 2000). DAP berharap ia dapat menyaingi MCA dalam usahanya menentang beberapa prinsip asas yang berkaitan hak istimewa orang Melayu, tanah rezab, kedudukan dalam perkhidmatan awam dan kuota dalam bidang pendidikan. MCA pula beroperasi dengan memperjuangkan tiga prinsip asas iaitu mengekalkan keharmonian sosial, penglibatan dalam buat-keputusan peringkat kerajaan dan bertindak sebagai jurucakap bagi komuniti Cina. Gerakan pula merupakan penyokong kuat non-komunalisme, moderat sosialis dan demokrasi. Parti ini mengiktiraf hak istimewa orang Melayu, kompromi dalam isu berkaitan bahasa dan pendidikan namun tetap melindungi pendidikan menengah Cina dan Tamil (Milne & Mauzy, 1978).

Menurut Ong Kian Ming (2004), persaingan di antara MCA dan Gerakan menentang DAP adalah pertandingan *zero-sum* dalam satu kerangka politik etnik pilihan raya. Politik etnik yang wujud di Malaysia menyebabkan MCA dan Gerakan sangat terbatas untuk bersaing daripada segi perwakilan kerana mereka berada dalam kerangka "*Chinese box*." Box ini akan menyusut daripada segi peratusan mengikut populasi kaum Cina. Penyusutan "*Chinese box*" akan mengurangkan pertandingan di antara MCA dan Gerakan dalam kerangka BN. Sokongan kaum Cina amat penting sekali untuk kelangsungan BN. MCA dan Gerakan dianggap "*political balance*" bagi BN terutama ketika kuatnya pengaruh PAS dan DAP.

Di Sarawak pula, Sarawak United People's Party (SUPP) merupakan sebuah parti bercorak pelbagai kaum tetapi majoriti keahliannya terdiri daripada kaum Cina. SUPP ditubuhkan pada tahun 1959 di Sarawak dan merupakan parti politik yang tertua. Parti ini telah berubah daripada sikap anti-Malaysia kepada sebuah parti politik komponen yang kukuh dalam BN dengan sokongan etnik Cina di Sarawak. Parti ini merupakan parti komponen yang kedua terbesar dalam BN Sarawak. Oleh itu, SUPP dianggap sebagai satu-satunya parti yang boleh mewakili kepentingan etnik Cina dalam politik dan ekonomi Sarawak, malang sekali menerima kekalahan yang begitu teruk dalam pilihan raya 2011.

Civil disobedience: Satu takrifan

Civil disobedience merupakan tindakan awam yang sengaja melanggar undang-undang dan peraturan oleh pihak berkuasa. Peserta atau penentang akan ditangkap, dan sering didakwa dengan jenayah seperti pencerobohan, kegagalan untuk bersurai, atau kegagalan untuk mematuhi arahan seseorang pegawai. *Civil disobedience* secara amnya difahami sebagai ganas, walaupun ada yang berhujah bahawa tindakan ganas juga boleh dianggap sebagai satu bentuk penentangan sivil. Tujuannya adalah untuk menyampaikan mesej politik terutamanya melalui media massa (Doris Lin, 2011).

Menurut Martin (1970), *civil disobedience* dilakukan dengan sengaja disebabkan keengaman awam menerima arahan pihak berkuasa kerana mereka berpendapat perintah tersebut adalah tidak bermoral, tidak mengikut perlembagaan, berkontradik dengan dasar-dasar awam dan seumpamanya. Kadang-kadang penentangan tersebut bukan bertujuan menentang arahan sesuatu undang-undang tetapi menentang dasar kerajaan yang ada hubungannya dengan undang-undang tersebut.

Rawls (1971) mengatakan diskusi tentang *civil disobedience* cuba menjawab dua perkara pertamanya, bila *civil disobedience* ini dijelaskan? Kedua, bagaimana undang-undang harus bertindakbalas terhadap rakyat yang terlibat dalam *civil disobedience*? Bagi Rawls (1971), “*civil disobedience is a public, non-violent and conscientious breach of law undertaken with the aim of bringing about a change in laws or government policies*”. Dalam konteks pilihan raya, *civil disobedience* merujuk kepada bantahan atau protes pengundi terhadap beberapa isu dan dasar yang dikaitkan dengan kerajaan seperti politik, ekonomi, pendidikan, etnik dan agama.

Pencapaian DAP dalam PRU 12 di Selangor dan Kuala Lumpur

Tsunami politik dalam PRU 12 menunjukkan satu tren baru dalam pilihan raya umum yang tidak pernah berlaku sebelumnya di Kuala Lumpur dan Selangor. Antaranya ialah, kawasan yang merupakan majoriti bagi sesuatu etnik seperti Melayu dan Cina bukan lagi kubu kuat BN seperti sebelumnya. Ringkasnya berlaku peralihan dalam tren pengundian bagi ketiga-tiga etnik iaitu Melayu telah berpaling daripada UMNO, India daripada MIC begitu juga dengan Cina yang berpaling daripada MCA dan Gerakan dengan menyokong DAP. Namun penting juga dianalisa apakah tren ini akan berkekalan? Keduanya, pertempuran PRU 12 bukan antara BN dengan pembangkang tetapi antara rakyat dengan BN kerana wujud unsur *civil disobedience*. Kertas ini tidak berhasrat untuk melihat pencapaian DAP di Pulau Pinang kerana DAP telah berjaya melakarkan sejarahnya sendiri di Pulau Pinang dan negeri itu juga telah sinonim dengan DAP. Namun pencapaian DAP di Kuala Lumpur dan Selangor agak mengejutkan dan fokus penulisan ini akan melihat pencapaian DAP di dua buah negeri tersebut sebagai landasan analisis seterusnya.

Jadual 1. Jumlah kerusi parlimen dan Dun bagi Selangor dan Kuala Lumpur 2008

Parti/Kawasan	Selangor			Kuala Lumpur
	P	N	Jumlah	P
BN	5	20	25	1
PKR	9	15	24	4
DAP	4	13	17	5
PAS	4	8	12	1
BEBAS	0	0	0	0
Jumlah kerusi	22	56	78	11

Sumber: Diolah daripada New Straits Time 9 Mac 2008

Berdasarkan Jadual 1, bilangan kerusi Parlimen yang dipertandingkan di Selangor berjumlah 22 kerusi, PKR mendahului semua parti lain dengan memenangi sembilan kerusi berbanding BN, PAS dan DAP. Sementara itu daripada 56 kerusi DUN yang dipertandingkan, BN hanya memenangi 20 kerusi sahaja berbanding pilihan raya 2004, parti ini berjaya memenangi 36 kerusi. Di Kuala Lumpur, DAP mendahului parti lain dengan memperolehi lima kerusi yang kebanyakannya di kubu kuat mereka seperti Seputeh, Cheras, Kepong dan Bukit Bintang yang memang boleh dijangkakan kemenangan mereka. Satu kerusi baru yang dimenangi DAP adalah Segambut. Jadual 2 Menunjukkan beberapa kawasan yang dimenangi DAP dengan majoriti yang

besar seperti di Serdang, Puchong, Petaling Jaya Utara, Kapar dan Klang. Lokasi kawasan yang memperolehi majoriti besar ini terletak di bandar. Apa yang dapat diterangkan ialah pertamanya, sokongan pengundi bandar di Selangor terhadap DAP semakin bertambah berdasarkan bilangan undi majoriti yang diperolehi. Ini menunjukkan kekuatan DAP lebih terserlah di kawasan bandar yang berbanding MCA. Keduanya, sokongan pengundi bagi kawasan majoriti Cina seperti di Seputeh, Cheras, Bukit Bintang dan Kepong semakin bertambah besar dan ini mengukuhkan lagi kubu kuat mereka. Kawasan yang disenaraikan ini juga boleh menjadi kawasan panas pada pilihan raya akan datang.

Jadual 2. Perbezaan majoriti diperolehi bagi PRU 2004 dan 2008 bagi Kawasan Parlimen Selangor dan Kuala Lumpur

Selangor	Parti		Majoriti	
	Penyandang	Menang	2004	2008
	2004	2008	2004	2008
Serdang	BN	DAP	11,280	21,025
Puchong	BN	DAP	11,882	12,593
Petaling Jaya Utara	BN	DAP	13,043	19,972
Kapar	BN	PKR	14,588	12,297
Klang	BN	DAP	13,281	17,701
Kuala Lumpur	2004	2008	2004	2008
Kepong	DAP	DAP	1,854	23,848
Bukit Bintang	DAP	DAP	304	14,277
Seputeh	DAP	DAP	12,895	36,492
Cheras	DAP	DAP	11,861	28,300

Sumber: Diolah daripada New Straits Time 9 Mac 2008

Melihat kepada keputusan PRU 12, bukan sahaja UMNO tidak lagi diterima oleh orang Melayu tetapi sokongan pengundi Cina terhadap MCA, dan Gerakan juga merosot teruk. Kajian Loh Kok Wah (2002) tentang tren pengundian sebelum ini menunjukkan, BN mungkin tidak dapat mengekalkan majoriti dua per tiga jika pengundi Cina dan India tidak menyokong BN. PRU 12 menunjukkan bukan sahaja tren pengundian Melayu telah berubah, hal yang sama juga turut diikuti oleh pengundi bukan Melayu. Kekalahan yang teruk MCA dan Gerakan disebabkan oleh penolakan pengundi terhadap UMNO yang merupakan tonggak BN. Tempiasnya parti-parti komponen lain turut menerima padah.

Jadual 3. Pertandingan di kawasan yang seimbang dari segi komposisi etnik

	Parlimen	Parti	Etnik (%)			
			Melayu	Cina	India	Lain-lain
Selangor	Puchong	DAP	43.58	40.78	15.3	0.34
	Kelana Jaya	PKR	41.88	38.72	17.92	1.48
	Selayang	PKR	44.79	38.24	16.32	0.73
	Dun					
Kuala Lumpur	Kajang	PKR	46.6	44.1	8.7	0.6
	Batu	PKR	44.27	40.77	14.33	0.63

Sumber: Diolah daripada New Straits Time 9 Mac 2008

Selain itu, beberapa kerusi campuran terutama bagi kawasan yang seimbang antara etnik Cina dan Melayu, kecenderungan BN dan pembangkang ialah meletakkan calon bukan Melayu seperti di Puchong yang menyaksikan pertandingan antara Lau Yeng Peng (BN) dengan Gobind Singh Deo (DAP). Di Kelana Jaya, Selayang dan Batu (Kuala Lumpur), BN dan pembangkang masing-masing meletakkan calon Cina. Jika pengalaman pilihan raya sebelum ini diambil kira, kawasan

campuran akan berpihak kepada BN kerana pengundi Melayu dan India akan menyokong BN yang diwakili MCA ataupun Gerakan. Namun percaturan politik sebegini tidak selalunya tepat, PRU 12 menyaksikan kawasan campuran lebih berpihak kepada pembangkang. Justeru fakta ini menunjukkan undi Melayu dan India turut berpihak kepada pembangkang. Menurut Johan Saravanamuttu, hampir 60 hingga 80 peratus pengundi India telah beralih arah menyokong pembangkang yang sebelumnya mengundi BN (New Straits Time 9 Mac 2008).

Di kawasan majoriti pengundi Cina, ternyata calon DAP menjadi pilihan berdasarkan Jadual 3. Pertaruhan dalam setiap kali pilihan raya ialah mengambilkira elemen etnisiti dengan cara meletakkan calon yang mewakili majoriti etnik di sesuatu kawasan. Namun begitu, pengundian di kawasan bandar langsung tidak menyebelahi BN bahkan terdapat calon lain seperti India turut menang di kawasan majoriti Cina seperti M. Manoharan walaupun masih dalam tahanan ISA kerana isu Hindraf tetapi telah memenangi kerusi Kota Alam Shah dengan majoriti 7,184 undi. Kebanyakan kawasan bandar telah jatuh di tangan tokoh-tokoh utama DAP seperti Tan Seng Giaw (Kepong) yang merupakan Timbalan Pengerusi DAP, Theresa Kok (Kinrara), Datin Paduka Chew Mei Fun, Naib Ketua Wanita MCA yang tewas di Petaling Jaya Utara dan Datuk Donald Lim Siang Chai, Naib Presiden MCA yang tewas di Petaling Jaya Selatan.

Jadual 4. Kawasan majoriti pengundi Cina yang dimenangi pembangkang di Selangor dan Kuala Lumpur

Parlimen	Parti	Selangor			
		Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
Serdang	DAP	36.63	52.09	10.90	0.38
PJ Utara	DAP	15.36	76.71	6.38	1.54
Dun					
Sekinchan	DAP	41.5	56.1	24	0
Balakong	DAP	33.0	56.4	10.2	0.3
Seri Kembangan	DAP	7.0	84.6	8.0	0.4
Kinrara	DAP	27.2	58.3	14.0	0.4
Bukit Lanjan	PKR	31.8	52.8	14.7	0.7
Pandamaran	DAP	24.6	59.2	15.3	0.9
Teratai	DAP	39.5	55.3	4.7	0.4
Subang Jaya	DAP	32.0	56.4	9.8	1.9
Bukit Gasing	DAP	13.9	71.1	12.3	2.7
Kampung Tunku	DAP	20.7	67.2	10.0	2.1
Damansara Utama	DAP	11.9	82.9	4.1	1.2
Sungai Pinang	DAP	28.2	66.4	4.8	0.5
Kota Alam Shah	DAP	17.1	58.1	23.3	1.6
Kuala Lumpur					
Kepong	DAP	4.28	90.31	14.3	5.31
Segambut	DAP	36.3	51.77	11.57	0.4
Bukit Bintang	DAP	16.2	74.64	8.18	0.95
Seputeh	DAP	5.62	89.69	4.54	0.15
Cheras	DAP	9.56	84.14	6.16	0.14

Sumber: Diolah daripada Utusan Malaysia 10 Mac 2008

Tren pengundian di Bukit Bintang (Kuala Lumpur) dan Dun Bukit Gasing (Selangor) menunjukkan, walaupun peratus undian sederhana, majoriti yang dimenangi oleh pembangkang lebih baik. Misalnya, Bukit Bintang, DAP melalui calonnya Fong Kul Lun telah menang sekali lagi kerusi yang pernah disandangnya pada pilihan raya 2004 bahkan majoriti yang lebih besar iaitu 14,277 meningkat hampir lima kali ganda dengan undi rosak hanya 466 undi sahaja.

Sebelum pilihan raya, BN menjangkakan peluang kemenangan mereka di Bukit Bintang meningkat dari 45 peratus kepada 50 peratus selepas giat berkempen sejak penamaan calon. DAP pula berpendapat laluan mereka mungkin sukar disebabkan pertambahan undi pos dan seramai 7000 pengundi India di Brickfields, Jalan Hang Tuah, Jalan Masjid India dan Lebuh Ampang dijangka mengundi BN.

Civil disobedience: Punca kepada senario perubahan politik PRU 12

Terdapat beberapa punca yang menyumbang kepada senario perubahan politik dan punca terbesarnya adalah isu-isu di peringkat nasional walaupun tidak dinafikan isu tempatan juga penting tetapi impaknya tidaklah besar. Perlu dinyatakan bahawa, jika isu tempatan penting kepada pengundi, rakyat tidak akan menunjukkan gelombang kebangkitan yang sama bagi negeri-negeri lain seperti di Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Isu nasional ini jugalah yang mencetuskan *civil disobedience* di kalangan rakyat terutamanya pengundi Cina terhadap parti komponen Cina dalam BN seperti MCA dan Gerakan.

Di kalangan penyokong dan pemimpin akar undi, wujud perasaan kecewa apabila calon-calon yang bertanding kebanyakannya muka baru. Ada juga di kalangan pemimpin kanan yang telah lama dikenali rakyat tidak dicalonkan semula seperti Datuk Yiap Pian Hon yang telah menjadikan Serdang sebagai kubu MCA selama 40 tahun. Tun Dr. Mahathir mengatakan salah satu punca utama kekalahan BN ialah calon-calon baru (www.chedet.com). Pandangan ini turut disokong oleh tokoh-tokoh veteran MCA seperti Tan Sri Ting Chew Peh dan Datuk Yiap Pian Hon. Menurut Ting Chew Peh daripada 130 calon, 56 orang daripadanya adalah muka baru (New Straits Time 10 Mac 2008).

Faktor kepimpinan dan krisis dalaman UMNO juga turut mengeruhkan lagi keadaan. Faktor ini turut dikaitkan dengan beberapa pandangan keras Tun Mahathir berkaitan pentadbiran Perdana Menteri ketika itu dan campurtangan menantunya dalam urusan politik dan pentadbiran. Selain itu, mantan Perdana Menteri itu juga mendakwa kebanyakan nama calon yang bertanding telah ditapis terlebih dahulu oleh kepimpinan atasan yang menyebabkan pemimpin akar umbi tidak berpuas hati lalu berpaling dengan menyokong pembangkang (www.chedet.com). Krisis dalaman UMNO menyebabkan pengundi Melayu beralih dengan menyokong parti pembangkang sama ada PKR, PAS ataupun DAP.


Peranan media arus perdana yang terus menerus menyerang pembangkang dengan segala saluran yang ada turut menambahkan kebencian pengundi. Kempen pembangunan dan kejayaan kerajaan selama ini turut disogokkan kepada umum, namun perkara ini tidak memberikan kesan di saat rakyat terpaksa melawan krisis kenaikan harga barang. Kajian Monitoring Initiative anjuran bersama Centre for Independent Journalism, Writers Alliance for Media Independent dan Chater 2000 mendapati, sebanyak 63.12 peratus The Star adalah pro BN, New Straits Times sebanyak 60.29 peratus, Utusan Malaysia 83 peratus, The Sun 43 peratus, Makkal Osai 69 peratus dan Malaysia Namban 70 peratus (Dewan Masyarakat Mei 2008). Kesan daripada ketidakseimbangan dalam berita yang dipaparkan, maka muncul pelbagai sumber media alternatif seperti internet dan blog. Kebanyakan generasi muda lebih berminat kepada isu semasa berkaitan ekonomi berbanding berita yang mempunyai unsur-unsur “mengampu”. Pengaruh media alternatif telah dirasai boleh mendatangkan kesan buruk kepada BN, namun ramai memandang mudah akan perkara ini. Bagaimanapun akhirnya Perdana Menteri mengatakan “kita kalah dalam perang siber”, “kita melakukan kesilapan besar dengan memikirkan ia tidak penting” (Dewan Masyarakat Mei 2008).

Berbalik kepada persoalan utama tadi, apakah orang Cina sudah tidak menyokong parti politik Cina yang menjadi komponen BN? Tren pengundian dalam PRU 12 adalah tren politik baru yang tidak pernah berlaku sebelumnya begitu juga di Selangor dan Kuala Lumpur. Krisis

politik 1999 walaupun berpusat di Selangor dan Kuala Lumpur masih kurang memberi impak kepada BN kerana pengundi Cina masih setia kepada BN (Loh Kok Wah 2002). Etnisiti dilihat bukan lagi faktor utama dalam pilihan raya kali ini tetapi protes atau bantahan sivil terhadap beberapa isu yang telah dibincangkan itulah yang menyembunyikan kepentingan faktor etnisiti ini. Namun demikian, dalam Pilihan raya DUN Sarawak 2011, kejayaan DAP banyak dikritik kerana memainkan sentimen etnik. Timbul persoalan apakah kesinambungan kejayaan DAP selama ini hanya bermodalkan etnik?

Kesinambungan kejayaan DAP selepas PRU 12

Gelombang kejayaan DAP memang telah diramalkan dan tidak terhenti di Selangor dan Kuala Lumpur sahaja. Dalam Pilihan raya Negeri Sarawak, seperti yang dijangka pengundi bumiputera telah membuktikan kesetiaan mereka kepada BN. Sarawak mempunyai lebih daripada 40 kumpulan sub-etnik. Semenjak menyertai Malaysia 1963, Sarawak ditadbir oleh BN. Walau bagaimanapun, mitos yang menyatakan Sarawak adalah “fixed deposit” BN sudah semakin hilang kerana pilihan raya Sarawak 2011 menampakkan kemerosotan undi popular BN kepada parti pembangkang terutamanya DAP. Komposisi pelbagai etnik di Sarawak digambarkan oleh Carta 1. di bawah:



Sumber: Pilihan Raya Sarawak, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2011.

Carta 1. Peratus pengundi mengikut etnik di Sarawak, 2011

Pilihan raya Sarawak juga memaparkan bahawa sentimen etnik masih lagi kuat mempengaruhi calon dan pengundi. Rata-rata wakil parti politik sama ada daripada BN atau Pakatan, memilih calon daripada kumpulan etnik yang mewakili majoriti komuniti etnik masing-masing di kawasan yang dipertandingkan, misalnya calon Dayak untuk kawasan Dayak, calon Cina di kawasan majoriti Cina, dan sebagainya. Hanya ada satu kes terpencil melibatkan wakil daripada PKR yang memenangi kerusi di Ba’kelalan apabila calon PKR dipilih daripada etnik Orang Ulu yang bertanding di kawasan majoriti etnik Iban.

Pengundi Cina di Sibu, Bintulu dan Miri, masyarakat Melayu-Melanau, Bidayuh, Orang Ulu dan Iban di pedalaman dan luar bandar menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi kepada BN. Namun demikian, DAP tetap mencatat kejayaan tersendiri apabila memenangi 12 kerusi daripada 15 yang dipertandingkan. Walaupun BN masih menang dua pertiga tetapi sebenarnya bilangan kerusi yang dimenangi mereka telah merosot berbanding pilihan raya negeri tahun 2006 apabila memenangi 55 kerusi berbanding 62 kerusi pada pilihan raya sebelumnya.

Jadual 5. Keputusan Pilihan Raya Negeri Sarawak 2011

Parti	Keputusan
BN	55
DAP	12
SNAP	0
PKR	3
PAS	0
Parti Cinta Malaysia	0
Bebas	1

Sumber: Mingguan Malaysia 17 April 2011

Namun begitu, analisis terperinci peratusan undi dalam pilihan raya Sarawak mendedahkan populariti undi BN berdasarkan etnik telah merosot. DAP dan Keadilan menunjukkan kejayaan dalam memperoleh undi di kawasan etnik Cina dan Iban yang selama ini dikuasai oleh BN (Nik Nazmi, 2011). Kemenangan DAP di kawasan bandar yang dihuni oleh majoriti Cina memperlihatkan kecenderungan pengundi Cina memilih DAP daripada BN-SUPP.

Jadual 6. Peratusan undi popular: Perbandingan sokongan mengikut etnik kepada BN, 2006 vs. 2011

Etnisiti	Peratusan Undi Popular		
	2006	2011	2011 vs. 2006
BN	62.1%	54.7%	-7.4%
BN Cina	45.1%	25.5%	-19.6%
BN Melayu-Melanau	78.3%	79.6%	1.3%
BN Bumiputera bukan muslim	63.9%	56.7%	-7.2%

Sumber: Ong Kian Ming, Azlan Zamhari, Malaysiakini, 2011

Tambahan pula, pengundi Cina dan golongan muda telah menolak BN dan menyokong DAP (Welsh, 2011). Kempen mengubah kerajaan yang diwawarkan di Semananjung telah diterima dengan baik oleh majoriti pengundi Cina. Sokongan undi popular yang semakin bertambah ke atas Pakatan Rakyat, membuktikan komuniti luar bandar di Sarawak telah mula menerima agenda Pakatan. Pilihan raya Sarawak merupakan petunjuk bahawa Pakatan Rakyat akan memberi saingan yang sengit kepada BN dalam pilihan raya ke-13 ini terutamanya undi dari kaum Cina. BN tidak lagi dilihat kebal di Sarawak. Ramalan melihat BN akan kehilangan lebih banyak kerusi kepada DAP adalah berbasas.

Pilihan raya kali turut ini menyaksikan presiden SUPP yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri George Chan menerima kejutan apabila tewas kepada lawannya Ling Sie Kiong daripada DAP. Penurunan undi Cina terhadap BN bukan sesuatu yang mengejutkan kerana pada pilihan raya 2006, sokongan mereka terhadap BN adalah sebanyak 45 peratus dan dalam pilihan raya 2011 menurun kepada 23.5 peratus. Analisis menunjukkan berlaku peningkatan undi majoriti di semua kawasan yang dimenangi oleh DAP termasuk di kawasan sengit seperti Kota Sentosa. Penolakan masyarakat Cina terhadap kepimpinan negeri yang terlalu lama berkuasa dan tidak mengamalkan tadbir urus yang baik merupakan punca utama kemenangan besar terhadap DAP. Jadual 7 menunjukkan beberapa kawasan baru yang dimenangi DAP seperti Padungan, Batu Kawah, Repok, Dudong, Pelawan, Piasau dan Pujut serta majoriti yang diperolehi.

Jadual 7. Kawasan yang dimenangi oleh DAP dalam Pilihan Raya Sarawak

Kawasan	Jumlah undi	Majoriti
Padungan	11,957	7,884
Pending	14,375	7,595
Batu kawah	7,439	543
Kota Sentosa	12,594	4,824
Repok	7,900	2,679
Meradong	6,884	2,687
Bukit Assek	13,527	8,827
Dudong	9,649	317
Pelawan	13,318	6,391
Kidurong	12,493	6,930
Piasau	5,998	1,590
Pujut	9,120	9,120

Sumber: Mingguan Malaysia 17 April 2011

- Kawasan baru yang jatuh ke tangan DAP ialah Padungan, Batu Kawah, Repok, Dudong, Pelawan, Piasau dan Pujut.

Tren ini dijangka berterusan dalam pilihan raya akan datang. Ini berdasarkan bahawa sebelum tsunami politik di Semenanjung pada tahun 2008, fenomena ini telah pun berlaku dalam Pilihan raya Sarawak 2006 apabila SUPP tewas enam kerusi. Penolakan pengundi Cina terhadap SUPP ialah kerana pemimpinnya Tan Sri George Chan yang dianggap gagal memainkan peranan mewakili etnik Cina. Parti ini dan pemimpinnya hanya dilihat sebagai terlalu tunduk kepada Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud. DAP memanipulasikan isu terlalu lama Ketua Menteri berkuasa dengan mendendangkan slogan “jom ubah” yang mendapat sambutan baik daripada masyarakat Cina. DAP dengan barisan pemimpin muda dilihat sebagai parti yang benar-benar memahami aspirasi dan kehendak masyarakat Cina (Mingguan Malaysia, 24 April 2011). Di kalangan masyarakat luar bandar, mentaliti politik mereka adalah politik pembangunan. Keperluan utama pengundi luar bandar ialah mengundi parti yang boleh melaksanakan agenda pembangunan yang dapat memenuhi keperluan asas mereka. Sebaliknya bagi masyarakat bandar, mereka tidak menghadapi masalah keperluan asas yang mendesak dan mentaliti politik mereka cenderung terhadap isu-isu global masa kini seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Di kalangan masyarakat bandar, SUPP dianggap tidak boleh diharap dan pemimpinnya dilihat seperti kroni Taib Mahmud satu bentuk oligarki yang lebih cenderung kepada ekonomi.

Masyarakat Cina juga dilihat bersatu dalam isu membabitkan pendidikan, perniagaan, budaya, kesatuan dan masa depan mereka. Mereka tidak teragak-agak membuat keputusan demi masa depan mereka. Berdasarkan senario di Sarawak, selagi kepimpinan yang ada tidak diubah, tidak mustahil DAP akan dapat menguasai kawasan separa bandar pula selepas ini. Berdasarkan kenyataan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi “apa yang berlaku di Sarawak harus diterjemahkan di peringkat nasional yang mana tren sokongan terhadap BN di kawasan bandar sudah berubah apabila parti pembangkang terutama DAP berjaya merampas beberapa kerusi bandar (Berita Harian, 18 April 2011).

Kesimpulan

Berdasarkan analisis tersebut, tren pengundian masyarakat Cina dilihat akan terus menyumbang kepada kemenangan DAP pada pilihan raya akan datang. Hal ini kerana pengundi Cina sudah hilang kepercayaan terhadap parti komponen yang boleh mewakili etnik Cina dalam BN. Sama seperti SUPP, MCA dilihat oleh kaum Cina terlalu *moderate* dan menurut rentak PBB dan UMNO. Kaum Cina lebih yakin dengan DAP yang dilihat berani mempertahankan kepentingan

kaum Cina. Kejayaan BN di bandar sebelum ini banyak dibantu oleh pengundi Cina, namun dalam PRU 12 dan pilihan raya Negeri Sarawak ternyata BN gagal mendapat mandat masyarakat Cina. BN banyak didominasi oleh UMNO; justru penolakan terhadap UMNO turut mengundang kepada penolakan BN berserta parti komponennya yang lain.

Rujukan

- Blog Tun Dr. Mahathir Mohamad. <http://www.chedet.com>
Berita Harian, 18 April 2011.
- Clara Chooi (2011) Pakatan's Sarawak success is DAP's to celebrate. April 17, 2011.
Dewan Masyarakat, Mei 2008.
- Doris Lin (2011). Available from: <http://animalrights.about.com/od/gettingactive/g/What-Is-Civil-Disobedience.htm>.
- Freedman AL (2000) *Political participation and ethnic minorities: Chinese overseas in Malaysia, Indonesia, and The United States*. Routledge, New York.
<http://www.epu.gov.my>
- Loh Kok Wah (2002) Politik baru di Malaysia? Syarahan perlantikan professor Universiti Sains Malaysia 2002. Available from: <http://www.soc.usm.my>.
- Milne RS, Mauzy DK (1978) *Politics and government in Malaysia*. Federal Publications, Singapore.
- Milne RS, Mauzy DK (1999) *Malaysian politics politics under Mahathir*. Routledge, London.
- Martin R (1970) Civil disobedience. *Chicago Journals* **80** (2), 123-139.
- Ong Kian Ming (2004) Future of Chinese parties. In: Welsh B (ed) *Reflections the Mahathir years*. SAIS, John Hopkins University, Washington.
- Rawls J (1971) *A theory of justice*. Havard University Press, Cambridge.
- Mingguan Malaysia, 17 April 2011.
- Mingguan Malaysia, 24 April 2011.
- New Straits Time, 9 Mac 2008.
- New Straits Time, 10 Mac 2008.
- Nik Nazmi Nik Ahmad (2011) Lessons from the 2011 Sarawak Election. The Malaysian Insider, April 20, 2011. Available from: <http://www.themalaysianinsider.com>.
- Strauch J (1978) Tactical success and failure in grassroots politics: The MCA and DAP in rural Malaysia. *Asian Survey* **XVIII** (12), 1280-1294.
- Utusan Malaysia, 10 Mac 2008.
- Weiss ML (2003) Overcoming race-base politics in Malaysia: Establishing norms for deeper multiethnic co-operation. In: Ho Khai Leong, James Chin (eds) *Mahathir's administration: Performance and crisis in governance*. Times Editions, Singapore.
- Welsh B (2011) Dr. Welsh looks back at 2011 Sarawak Elections. Malaysiakini, April 23, 2011.
Available from: <http://www.malaysiakini.com>.